

UTUSAN 18/9/17



AHMAD RAZIF ABDUL RAHMAN (tengah) dan isteri, Toh Puan Seri Halina Zakaria (empat dari kanan) bergambar bersama sebahagian 271 pasangan pengantin di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu, kelmarin.

## Perkahwinan Perdana 2017 catat sejarah

**KUALA TERENGGANU 17 Sept** — Perkahwinan adalah tuntutan dalam Islam yang melengkapkan fitrah kehidupan melalui penyatuan dua hati dan saling berperanan dalam memiliki tanggungjawab membentuk kehidupan berkeluarga.

Seiring dengan prinsip ketiga dalam gagasan Transformasi Terengganu Baharu (TTB): Keluarga Bahagia, Rakyat Sejahtera, kerajaan negeri turut membantu rakyat bagi memudahkan urusan perkahwinan yang semakin meningkat banyak pembayaran.

Justeru, Program Perkahwinan Perdana diteruskan buat tahun kedua dan 271 pasangan di seluruh negeri ini yang baharu sahaja dinikahkan serentak, diraikan dalam Majlis Resepsi Keluarga TTB di Taman Tamadun Islam (TTI) di sini semalam dalam suasana penuh meriah dan berwarni-warni.

Majlis itu pastinya menjadi kenangan terindah buat mereka yang menempuh fasa baharu kehidupan selain turut dicatatkan dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai jumlah pasangan

terbanyak dalam majlis perkahwinan di negara ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman yang hadir dalam majlis itu menerima sijil pengiktirafan daripada wakil MBOR, Lee Pooi Leng.

Pada tahun ini kerajaan negeri bersetuju menaikkan peringkat umur pemohon kepada 18 tahun hingga 35 tahun berbanding 30 tahun pada tahun lepas dengan pendapatan pasangan RM3,000 ke bawah manakala pendapatan ibu bapa RM5,000 ke bawah.